

**NO SOALAN : 29**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN  
BUJANG  
(SIBUTI)**

**TARIKH : 29.10.2015  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah yang dapat dilakukan dengan segera oleh pihak Kementerian untuk membaiki jalan Projek Jiwa Murni di Sarawak seperti yang terdapat di Saeh, Parlimen Sibuti yang rosak teruk dan menjelaskan kehidupan seharian rakyat serta membahaya kepada kenderaan kecil. Adakah pihak Kementerian akan menyelesaikan masalah tersebut dan apakah langkah drastik yang telah dibuat.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pembinaan jalan dan jambatan di bawah Projek Jiwa Murni telah ditetapkan oleh pihak Agensi Pusat dan ATM hanyalah bertindak sebagai agensi pelaksana.**

**Kerja-kerja pembinaan jalan di Kampung Saeh, Bekenu, Sarawak telah dilaksanakan mulai 16 Februari 2011 dan telah siap dibina pada 16 Oktober 2011. Tempoh tanggungan kecacatan (*DLP*) bagi projek jalan tersebut selama 3 tahun telah tamat pada 15 Oktober 2014. Sejajar dengan persetujuan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak, kesemua jalan dan jambatan yang dibina melalui Projek Jiwa Murni telah pun diambilalih oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Dengan pengambilalihan ini, pihak Kerajaan Negeri Sarawak akan melaksanakan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan kepada jalan tersebut.**